



Baginda berkenan menyampaikan sumbangan kepada rakyat.

SULTAN MUHAMMAD V

DEKAT DI HATI RAKYAT

Berperibadian sederhana menjadikan raja berjiwa rakyat ini permata hati buat seluruh rakyat

ROSMIZA KASIM

Biarpun dibesarkan dalam persekitaran Istana tetapi keperibadian dan kerendahan diri Yang di-Pertuan Agong, Sultan

Muhammad V, sentiasa menyentuh hati rakyat.

Tidak berprotokol tinggi, tidak kekok berperwatakan seperti rakyat biasa menjadikan Baginda terus dikagumi masyarakat bukan sahaja di Kelantan.

Diputerakan pada 6 Oktober 1969 Tengku Muhammad Faris Petra berkenan menggunakan gelaran Sultan Muhammad V setelah dimasyhurkan sebagai Sultan Kelantan ke 29, pada 13 September 2010.

Sikap putera sulung Sultan Ismail Petra Ibnu Almarhum Sultan Yahya Petra dan Tengku Anis Almarhum Tengku Abdul

Hamid yang sentiasa merendah diri bukan sahaja menjadi perhatian ketika Baginda menjadi Sultan Kelantan bahkan disenangi semenjak ditabalkan sebagai Tengku Mahkota Kelantan.

Kewarakan dan karisma Baginda yang tersendiri itu berterusan menjadi bualan, meniti di bibir rakyat sehingga kini.

Kehadiran Baginda sentiasa dinantikan rakyat

Tanggal 13 Disember 2016, sejarah tercipta buat rakyat Kelantan apabila Baginda dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong ke 15 menggantikan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah untuk tempoh 5 tahun.

Sesuatu yang amat menyentuh jiwa rakyat juga, biarpun Baginda berstatus Agong tetapi selesa membahaskan diri dengan 'ambo' atau 'kito' bukannya 'beta' ketika bertemu rakyat dan ini menunjukkan betapa dekatnya Baginda dengan orang ramai.

Tertib Baginda yang mengujakan menjadikannya sentiasa dinanti-nantikan dan rakyat jelata penuh setia untuk bertemu mata dengan Baginda dalam apa jua program rasmi mahupun santai.

Menyerlahkan lagi keperibadian Baginda apabila tetap sederhana dengan berkopiah, berjubah putih, kadang kala hitam menghadiri program tidak rasmi menampakkan kewarakan Sultan

Muhammad V tersebut yang berjiwa rakyat.

Begitu juga dengan rutin Baginda berjalan ke masjid menunaikan solat Subuh berjemaah tanpa kawalan keselamatan turut menjadi bualan umum dan dikagumi rakyat.

Selain itu, selaras dengan jiwa keislaman juga, Baginda berkenan untuk menukar seruan 'Daulat Tuanku' kepada 'Allahuakbar' dan ia digunakan bagi setiap ucapan perayaan mahupun ucapan tahniah rasmi Istana sehingga kini.

Kepakaran sembelihan, zahir idea hebat

Terlalu banyak keistimewaan. Antaranya kehebatan Baginda dalam sembelihan juga sesuatu amat ditunggu-tunggu rakyat setiap kali menyambut Hari Raya Korban. Rakyat sanggup menunggu biarpun berpanas. Itulah istimewanya Sultan Muhammad V.

Terbaharu, 23 Ogos lalu, Baginda berkenan menyembelih tiga lembu di Panji dan lebih melekat di hati peserta kerana Baginda sendiri berkongsi cara penyembelihan serta menjinakkan binatang tersebut yang sedang mengamuk ketika itu.

Turut menyentuh hati rakyat apabila, Sultan Muhammad V juga bersetuju memotong gaji dan emolumen sendiri sebanyak 10 peratus sepanjang tempoh pemerintahannya sebagai Yang di-Pertuan




Mengimbuu ketika Baginda sebelum dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong lagi sentiasa selesa mendampingi pelbagai peringkat masyarakat.

Sinar Harian MS 29
11/11/2018

DITERIMA
11 NOV 2018
U.R.D
M.B.P.J.

PROFIL SULTAN MUHAMMAD V



Rakyat dan kepimpinan negeri menunaikan qiamullail di Masjid Sultan Ismail Petra.

- Tengku Muhammad Faris Petra diputerakan pada 6 Oktober 1969
- Dimasyhurkan sebagai Sultan Kelantan ke-29 pada 13 September 2010 bersamaan 4 Syawal 1431 Hijrah selepas ayahanda baginda Sultan Ismail Petra gering.
- Selepas dimasyhurkan baginda menggunakan gelaran Sultan Muhammad V.
- Putera sulung kepada Sultan Ismail Petra ibni almarhum Sultan Yahya Petra dengan Tengku Anis Tengku Abdul Hamid.
- Mempunyai tiga orang adinda iaitu Dr Tengku Muhammad Fa-iz Petra; Tengku Muhammad Fakhry Petra dan Tengku Amalin A'ishah Putri.
- Diperkenankan dilantik sebagai Tengku Mahkota Kelantan pada 6 Oktober 1985.
- Dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 2011.
- Baginda ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke 15 pada 13 Disember 2016.

Agong dalam membantu ekonomi negara. Berkongsi betapa dekatnya Baginda dengan rakyat di Kelantan dalam apa jua program, Majlis Qiam With Me diadakan setiap tahun bagi memberi peluang kepada masyarakat menunaikan solat malam bersamanya.

Baginda bersama rakyat dan kepimpinan negeri menunaikan qiamullail jam 3.30 pagi di Masjid Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian yang mana turut berjemaah menyempurnakan solat tarawih.

Bukan itu sahaja, Baginda juga menzahirkan idea-idea yang hebat bagi lebih mendekatkan jiwanya dengan rakyat iaitu memperkenalkan Program Walkathon D'Raja pada tahun 2011 yang mana orang ramai dapat berjalan bersama Baginda.

Rakyat bertuah menumpang kasih baginda

Mengintai antara aktiviti kegemarannya pula, rakyat sedia maklum Baginda mempunyai minat yang mendalam dalam aktiviti lasak ekspedisi pacuan empat roda, menembak dan berkuda.

Menyentuh mengenai pendidikan pula, Baginda mendapat pendidikan awal



Baginda berkenan menyempurnakan penyembelihan lembu bersama rakyat di Panji Ogos lalu.

di Sekolah Sultan Ismail, Kota Bharu dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Antarabangsa Alice Smith, Kuala Lumpur.

Tuanku seterusnya, menimba ilmu di Oakham School Rutland, England, sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang kajian diplomatik di St Cross College, Oxford serta di Oxford Centre for Islamic Studies sehingga tahun 1991.

Baginda yang juga Komander 506

Askar Wataniah berpangkat Brigedier Jeneral (Kehormat) mempunyai tiga adinda iaitu Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr Muhammad Faiz Petra, Tengku Muhammad Fakhry Petra, dan Tengku Amalin A'ishah Putri.


Didikan yang sempurna dalam bidang keagamaan menjadikan rakyat bertuah menumpang kasih bernaung di bawah Sultan Muhammad V. Rakyat sentiasa mendoakan kesejahteraan Baginda.

Pendidikan

- Pendidikan awal di Sekolah Sultan Ismail 1, Kota Bharu. (1976-1980)
- Alice Smith School Association, Jalan Belanny Kuala Lumpur. (1981-1983)
- Oakham School Rutland, England peringkat A Level. (1983-1987)
- St. Cross College dan Oxford Centre for Islamic Studies dalam bidang Pengajian Diplomatik (1989-1991).
- Kursus Perhubungan Diplomatik di Deutsche Stiftung Entwicklung, Berlin.
- Kursus Pentadbiran Perniagaan Eropah di European Business Administration School, England.

Penglibatan

- Canselor Universiti Malaysia Kelantan.
- Kolonel Yang Dipertua Rejimen Artileri Diraja
- Kolonel Yang Dipertua Kor Artileri Diraja.
- Penaung Seni Silat Pusaka Gayung Malaysia Kelantan.
- Penaung Persatuan Bulan Sabit Merah Kelantan.



Baginda (kanan) bersama adindanya ketika menziarahi Makam Di Raja pada Aidiladha lalu.



Baginda menghadiri majlis yang memberi tumpuan kepada pertanian.